

METODOLOGI AL-DURAR AL-WAFIRAT BI HALLI ALFAZ AL-RAUDHAT FI QIRAATI AL-IMAM HAMZAH AL-ZAYYATI KARYA SYEIKH NUH JAMALUDDIN AL-KELANTANI

METHODOLOGY OF AL-DURAR AL-WAFIRAT BY HALLI ALFAZ AL- RAUDHAT FOR READING AL-IMAM HAMZAH AL-ZAYYATI BY SYEIKH NUH JAMALUDDIN AL-KELANTANI

Nik Muhammad Fadlan bin Nik Mahmood¹

Khairul Anuar Mohamad²

Anuar Hasin³

Mohd Zaini Zakaria⁴

Muhammad Hana Fizi Abdullah⁵

¹ Fakulti Pengajian Al-Quran dan As-Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia
(E-mail: nmfadlan.mahmood@raudah.usim.edu.my)

² Fakulti Pengajian Al-Quran dan As-Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia
(E-mail: khairul@usim.edu.my) (Corresponding Author)

³ Fakulti Pengajian Al-Quran dan As-Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia
(E-mail: anuarhasin@usim.edu.my)

⁴ Fakulti Pengajian Al-Quran dan As-Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia
(E-mail: zaini@usim.edu.my)

⁵ Imam Besar, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Malaysia
(E-mail: mhanapizi@e-maik.my)

* Corresponding author: khairul@usim.edu.my

Article history

Received date : 7-10-2025

Revised date : 8-10-2025

Accepted date : 24-11-2025

Published date : 30-12-2025

To cite this document:

Nik Mahmood, N. M. F., Mohamad, K. A., Hasin, A., Zakaria, M. Z., & Abdullah, M. H. F. (2025). Metodologi Al-Durar al-Wafirat bi Halli Alfaz al-Raudhat fi Qiraati al-Imam Hamzah al-Zayyati karya Syeikh Nuh Jamaluddin al-Kelantani. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (79), 561 – 576.

Abstrak: Ilmu Qiraat merupakan cabang penting dalam bidang al-Quran yang berperanan memastikan kelestarian bacaan yang sahih sebagaimana yang diwarisi daripada Rasulullah SAW. Di Nusantara, khususnya di Malaysia, pengajian Qiraat telah berkembang seiring dengan penyebaran Islam melalui pengaruh para ulama tempatan dan luar negara, dibuktikan dengan kewujudan kitab-kitab klasik bertulisan Jawi seperti *Hidayah al-Muta'allim*, *Manzhumat al-Jawhariyyah*, dan *Sullam al-Mubtadi*, serta sumbangan tokoh seperti Tok Kenali, Tuan Guru Haji Wan Musa al-Kelantani dan Sheikh Abdul Qadir al-Mandili. Kajian ini memberi fokus kepada pendedahan awal terhadap sebuah manuskrip tulisan tangan yang berusia lebih 100 tahun hasil karya Syeikh Nuh Jamaluddin al-Kelantani yang berjudul *Al-Durar Al-Wafirat Bi Halli Alfaz Al-Raudhat Fi Qiraati Al-Imam Hamzah Al-Zayyati*. Kitab ini Syeikh Nuh Jamaluddin telah menghadiahkannya kepada Haji Ismail Mahmud al-Thailand yang merupakan murid kanannya semasa hendak pulang ke Patani. Manuskrip ini mengandungi syarahan berkaitan Qiraat Hamzah yang berasaskan daripada sebuah matan

qiraat (dirujuk sebagai kitab matan al-Raudhat Fima Qara Hamzah al-Zayyat dalam kajian awal ini). Objektif kajian ini adalah untuk meneliti metodologi syarah yang digunakan, mengenal pasti matan asal, serta menganalisis laras bahasa Arab yang diguna pakai. Kajian ini menggunakan metode perpustakaan serta metode temubual tidak berstruktur kepada tokoh yang juga merupakan penyimpan manuskrip ini di Thailand. Hasil kajian menunjukkan bahawa manuskrip ini merupakan karya yang belum pernah dicetak dan kini tersimpan rapi di Madrasah al-Ianah al-Diniyyah Din Lan, Songkhla, Thailand, sekali gus membuktikan sumbangan besar ulama Nusantara dalam memperkaya tradisi keilmuan Qiraat di rantau ini. Selain itu, Manuskrip ini juga telah ditulis sepenuhnya dalam bahasa Arab berbeza daripada karya-karya lain yang biasanya ditulis dalam bahasa Jawi klasik

Kata Kunci: *Qiraat Hamzah, Manuskrip Qiraat, Jawi Klasik*

Abstract: *The science of Qiraat is an important branch in the field of the Quran which plays a role in ensuring the sustainability of authentic reading as inherited from the Prophet Muhammad (SAW). In the archipelago, especially in Malaysia, the study of Qiraat has developed in line with the spread of Islam through the influence of local and foreign scholars, as evidenced by the existence of classic books written in Jawi such as Hidayah al-Muta'allim, Manzhumat al-Jawhariyyah, and Sullam al-Mubtadi, as well as the contributions of figures such as Tok Kenali, Tuan Guru Haji Wan Musa al-Kelantani and Sheikh Abdul Qadir al-Mandili. This study focuses on the initial exposure of a handwritten manuscript that is over 100 years old, the work of Syeikh Nuh Jamaluddin al-Kelantani, entitled Al-Durar Al-Wafirat Bi Halli Alfaz Al-Raudhat Fi Qiraati Al-Imam Hamzah Al-Zayyati. This book was gifted by Syeikh Nuh Jamaluddin to Haji Ismail Mahmud al-Thailand, who was his senior student when he was about to return to Patani. This manuscript contains lectures related to Qiraat Hamzah based on a qiraat matan (referred to as the kitab matan al-Raudhat Fima Qara Hamzah al-Zayyat in this initial study). The objective of this study is to examine the methodology of syaraat used, identify the original matan, and analyze the Arabic language used. This study uses the library method and interview method to figures who are also the keepers of this manuscript in Thailand. The results of the study show that this manuscript is a work that has never been printed and is now neatly stored at Madrasah al-Ianah al-Diniyyah Din Lan, Songkhla, Thailand, thus proving the great contribution of Nusantara scholars in enriching the scholarly tradition of Qiraat in this region. In addition, this manuscript was also written entirely in Arabic, unlike other works that are usually written in classical Jawi.*

Keywords: *Qiraat Hamzah, Manuscript Qiraat, Classical Jawi*

Pendahuluan

Ilmu Qiraat merupakan salah satu cabang utama dalam kajian al-Quran yang memberi penekanan terhadap perbezaan dan variasi bacaan yang sahih sebagaimana yang diwarisi secara mutawatir daripada Rasulullah SAW melalui generasi para sahabat, tabi'in dan seterusnya para qurra' (al-Suyuti, 2008)¹. Disiplin ilmu Qiraat bukan sahaja memastikan kesahihan bacaan al-Quran, bahkan turut memelihara keaslian dan keindahan bahasa Arab yang menjadi medium penurunan wahyu (al-Qattan, 2001). Dalam tradisi keilmuan Islam, ilmu Qiraat bukan sekadar

¹ al-Suyuti, J. (2008). Al-Itqan fi 'Ulum al-Quran. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah

ilmu bacaan, tetapi juga melibatkan kefahaman mendalam terhadap nahu, sarf, dan pelbagai lagi cabang ilmu yang terkait dengan al-Quran (Ibn al-Jazari, 1998)².

Di Alam Melayu, khususnya di Malaysia, pengajian ilmu Qiraat telah berkembang pesat seiring dengan penyebaran Islam melalui jaringan ulama tempatan dan luar negara. Bukti perkembangan ini dapat dilihat melalui penulisan kitab-kitab klasik berbahasa Jawi seperti Hidayah al-Muta'allim, Manzhumat al-Jawhariyyah, dan Sullam al-Mubtadi yang menjadi kitab rujukan dan juga kitab pengajian di pondok-pondok di seluruh Malaysia (Abdullah, 2010)³. Ramai tokoh-tokoh di Malaysia seperti Tok Kenali (1868–1933), Tuan Guru Haji Wan Musa al-Kelantani, Sheikh Abdul Qadir al-Mandili dan ramai lagi tokoh yang memainkan peranan penting dalam menyebarkan ilmu ini sama ada melalui pengajaran, penulisan, atau hubungan intelektual dengan pusat-pusat ilmu di Timur Tengah (Harun, 2014)⁴.

Walau bagaimanapun, kajian terhadap manuskrip Qiraat di rantau ini masih terhad, khususnya kitab-kitab Qiraat yang ditulis dalam bahasa melayu. Kebanyakan karya terdahulu dihasilkan daripada kitab-kitab yang telah dialih bahasa daripada bahasa arab kepada bahasa melayu. Namun, kebanyakan yang ada hanyalah kitab-kitab berkaitan dengan ilmu fardhu ain seperti kitab feqah, Aqidah dan tasawwuf. Sangat nadir menjumpai kitab Qiraat ditulis dalam bahasa melayu. Dalam konteks ini, Syeikh Nuh Jamaluddin al-Kelantani telah mengambil inisiatif untuk menghasilkan kitab Qiraat yang pertama ditulis dalam bahasa melayu iaitu *Kitab Inilah Dua Risalah Pada Ilmu Qiraat* yang telah membincangkan berkenaan riwayat warsy dan riwayat qalun.

Setelah menelusuri hasil karyawan Syeikh Nuh Jamaluddin, menurut Abdul Razak Mahmud (2023)⁵ ada satu karyawan baru telah didapati bahawa Syeikh Nuh Jamaluddin juga telah menghasilkan sebuah lagi kitab berjudul *Al-Durar al-Wafirat bi Halli Alfaz al-Raudhat fi Qiraati al-Imam Hamzah al-Zayyati*. Pemerhatian awal mendapatkan bahawa, kitab tersebut merupakan kitab yang telah dihadiahkan oleh Syeikh Nuh Jamaluddin kepada anak murid kanannya iaitu Haji Ismail Mahmud, Songkhla, Thailand.

Penulis berpeluang untuk melihat naskhah asal di Madrasah al-Ianah al-Diniyyah Din Lan, Songkhla, Thailand. Namun, sehingga kini, manuskrip ini belum pernah dicetak atau dikaji secara komprehensif. Hal ini membuka ruang kepada penyelidikan untuk melihat latarbelakang Syeikh Nuh Jamaluddin serta untuk mendapatkan pendedahan awal terhadap kitab yang belum bercetak tersebut.

Latarbelakang Kajian

Perbincangan mengenai sejarah dan perkembangan ilmu Qiraat di Nusantara tidak dapat dipisahkan daripada tradisi penulisan, penyebaran ilmu, serta jaringan ulama yang berkembang sejak abad ke-17 lagi. Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa ilmu Qiraat telah menjadi salah satu disiplin yang berkembang secara tradisional dalam masyarakat Melayu melalui institusi pondok, surau dan masjid. Dalam konteks ini, Abdullah (2010) memberikan perhatian

² Ibn al-Jazari, M. (1998). *Al-Nashr fi al-Qiraat al-'Ashr*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

³ Abdullah, M. Y. (2010). *Tradisi Penulisan Kitab Jawi di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

⁴ Harun, M. S. (2014). *Tok Kenali: Ulama dan Pemikir Islam di Alam Melayu*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.

⁵ Abdul Razak Ismail dan Che Ismail Daud (2023) *Tarikh Ulama' Kelantan*. Terbitan Majlis Agama Islama dan Adat Istiadat Melayu Kekantan (MAIK) cetakan pertama.

khusus kepada peranan kitab-kitab Jawi dalam mengajarkan Qiraat. Beliau menegaskan bahawa penggunaan tulisan Jawi bukan sahaja memudahkan pemindahan ilmu kepada masyarakat awam, bahkan menjadi bukti bahawa masyarakat Melayu memiliki sistem pembelajaran Al-Quran yang tersusun, berdisiplin dan berasaskan sanad. Peranan kitab-kitab Jawi ini membentuk asas yang signifikan kepada perkembangan ilmu Qiraat sebelum kemunculan institusi moden seperti sekolah agama negeri atau universiti.

Selain kajian terhadap bahan pengajaran, tokoh-tokoh ulama yang mempelopori bidang Qiraat turut menjadi fokus penyelidikan. Harun (2014) misalnya mengkaji biografi dan sumbangan Tok Kenali, seorang tokoh penting yang memainkan peranan besar dalam membentuk jaringan ulama Melayu pada abad ke-20. Kajian tersebut menunjukkan bagaimana tokoh ini bukan sahaja mengembangkan pendidikan Islam, tetapi turut mengukuhkan hubungan intelektual antara ulama Nusantara dengan pusat keilmuan di Mekah dan Madinah. Melalui jaringan inilah ilmu Qiraat berkembang secara lebih meluas, terutamanya melalui pengajian talaqqi dan musyafahah yang dipegang oleh para ulama berautoriti.

Pada masa yang sama, kajian yang lebih umum tentang manuskrip Islam di Asia Tenggara telah menekankan keperluan mendesak terhadap usaha dokumentasi, pemuliharaan dan digitalisasi warisan bertulis. Manuskrip-manuskrip Islam, termasuk yang berkaitan dengan tajwid dan Qiraat, masih tersimpan di pondok-pondok lama, masjid tradisional ataupun koleksi keluarga ulama. Walaupun terdapat beberapa usaha pengkatalogan dan pengkajian filologi, para sarjana bersepakat bahawa masih banyak manuskrip belum diteliti secara mendalam. Antara kelemahan ketara ialah ketiadaan kajian sistematik terhadap manuskrip Qiraat dalam bahasa Jawi lama dan juga bahasa arab yang dihasilkan oleh ulama Nusantara sendiri. Kekurangan ini menyebabkan banyak aspek kritikal seperti metodologi penulisan, tokoh penyalin, struktur penyampaian ilmu dan konteks penghasilan karya tidak dapat difahami secara menyeluruh.

Sehubungan dengan itu, ketokohan ulama Nusantara dalam bidang Qiraat bukanlah sesuatu yang baharu. Sejak kurun lalu, ulama tempatan telah menjadi rujukan antarabangsa dalam pembacaan Al-Quran. Menurut kajian tidak formal yang dihimpunkan oleh para pengkaji moden, era awal 1990-an menyaksikan kemunculan ramai pakar Qiraat yang dihormati dunia Islam. Antaranya termasuklah Tok Senggora, seorang tokoh ulung yang telah melahirkan ramai pakar Qiraat di Malaysia seperti Dato' Mufti Haji Mohd Nor, Mufti Negeri Kelantan dan Syekh Nuh Jamaluddin, yang merupakan pewaris dan penyambung sanad pengajian Tok Senggora. Tradisi sanad ini membuktikan bahawa ilmu Qiraat di Nusantara berkembang dalam bentuk rangkaian ilmiah yang sahih, bertaraf global dan diterima dunia Islam.

Walau bagaimanapun, walaupun ketokohan tokoh-tokoh ini diakui secara lisan dan praktikal dalam masyarakat, dokumentasi bertulis yang membincangkan secara akademik tentang peranan mereka, metodologi pengajian mereka, serta analisis kritikal terhadap karya-karya mereka masih sangat terhad. Inilah jurang yang wajar diberikan perhatian dalam penyelidikan kontemporari. Karya-karya ulama Nusantara, terutamanya yang ditulis dalam bahasa Arab, memuatkan penghuraian ilmu Qiraat yang padat, tersusun dan kaya dengan rujukan klasik. Namun, tanpa usaha serius untuk menilai teks-teks tersebut, nilai sejarah dan keilmuannya tidak dapat diwariskan secara ilmiah kepada generasi seterusnya.

Situasi ini menunjukkan bahawa terdapat keperluan mendesak untuk menghasilkan lebih banyak kajian yang memfokuskan kepada manuskrip dan karya Qiraat dari Nusantara. Kajian seperti ini bukan sahaja akan menyumbang kepada pemuliharaan warisan ilmiah ulama silam,

tetapi juga memperkuat identitas keilmuan Islam di Nusantara sebagai sebahagian daripada rangkaian global ilmu Al-Quran. Dengan meneliti manuskrip, mengkaji sanad, dan membandingkan kaedah penghuraian ulama Nusantara dengan metodologi ulama Timur Tengah, para penyelidik akan dapat menghasilkan gambaran yang lebih komprehensif dan kritikal tentang sumbangan ilmiah dunia Melayu terhadap perkembangan ilmu Qiraat.

Kepentingan Kajian

Kajian terhadap metodologi kitab al-Durar al-Wafirat bi Halli Alfaz al-Raudhat fi Qira'ati al-Imam Hamzah al-Zayyat karya Syeikh Nuh Jamaluddin al-Kelantani amat penting dalam usaha menonjolkan ketokohan ulama Melayu dalam bidang Qiraat dan Tajwid. Kepentingannya terserlah apabila sejarah perkembangan ilmu al-Quran sering mengangkat tokoh-tokoh Arab seperti Imam al-Syatibi melalui Matan al-Syatibiyyah¹ dan Ibn al-Jazari menerusi Tayyibat al-Nasyr. Namun begitu, wacana keilmuan ini sering kali mengabaikan hakikat bahawa terdapat juga ulama Nusantara seperti Syeikh Nuh Jamaluddin yang turut memiliki penguasaan mendalam dalam bidang ini dan berjaya menghasilkan karya asli yang bermutu tinggi. Hal ini memperlihatkan bahawa penyelidikan terhadap karya beliau bukan sahaja dapat memperluas horizon wacana Qiraat di Alam Melayu, tetapi juga mampu mengimbangi naratif sejarah yang selama ini lebih memusatkan tumpuan kepada tokoh-tokoh Timur Tengah.

Antara hasil karya Syeikh Nuh Jamaluddin dalam bidang tajwid dan qiraat adalah, yang pertama, Kitab Tuhfatul Sibyan fi Tajwid al-Quran yang merupakan karyanya dalam bahasa Melayu. Seterusnya, yang kedua ialah ad-Durrah al-Muntakhabah fi Riwayati Syu'bah yang turut ditulis dalam bahasa Melayu, dan yang ketiga adalah inilah dua risalah pada ilmu qiraat yang turut dihasilkan dalam bahasa Melayu. Kendatipun, kitab al-Durar al-Wafirat bi Halli Alfaz al-Raudhat fi Qira'ati al-Imam Hamzah al-Zayyat merupakan sebuah penemuan baru dalam menelusuri riwayat dan sumbangan ilmiah Syeikh Nuh Jamaluddin. Justeru, kepentingan kajian ini terletak pada usaha memperkenalkan, mendokumentasi, serta menilai kewujudan karya yang sebelum ini hampir tidak disebut dalam mana-mana kajian akademik moden.

Kajian ini juga membuktikan bahawa penguasaan ilmu Qiraat dalam kalangan ulama Melayu adalah setara dengan ulama Timur Tengah, malah turut memperlihatkan kesinambungan tradisi talaqqi yang berakar daripada pusat keilmuan di kota Makkah. Penemuan ini penting kerana ia menolak persepsi bahawa ulama Melayu hanya bertindak sebagai penerima ilmu tanpa menghasilkan karya ilmiah asli. Dengan membuktikan keupayaan Syeikh Nuh Jamaluddin menghurai, menerangkan dan memperincikan metodologi Qiraat Imam Hamzah melalui pendekatan tersendiri, kajian ini mengangkat kembali peranan ulama Nusantara sebagai penyumbang aktif kepada perkembangan ilmu al-Quran peringkat antarabangsa.

Justeru, kajian kritikal terhadap kitab al-Durar al-Wafirat masih belum dibuat secara mendalam. Namun begitu, perlu ditegaskan bahawa kajian ini hanya memberikan pendedahan awal mengenai kitab tersebut. Pendedahan ini meliputi usaha mengenal pasti latar belakang Syeikh Nuh, susunan kandungan, dan carian awal berkaitan matan yang digunakan oleh beliau dalam membuat terjemahan. Secara tidak langsung, kajian ini membuka ruang untuk penyelidikan lanjutan yang lebih komprehensif pada masa hadapan. Kepentingannya terletak pada kemampuan kajian ini untuk menjadi asas awal yang kukuh kepada kajian tekstual, analisis kandungan, perbandingan metodologi, serta penyelidikan terhadap sumber-sumber yang mempengaruhi penulisan beliau.

Kajian ini juga dapat memperkaya khazanah ilmu Qiraat di Alam Melayu dengan membuktikan bahawa ulama tempatan bukan sekadar menterjemah teks Arab, tetapi turut menyumbang melalui penghasilan karya ilmiah bernilai tinggi yang setanding dengan karya ulama antarabangsa. Dari sudut kepentingan akademik, penyelidikan ini meningkatkan kefahaman masyarakat dan sarjana moden terhadap sumbangan ulama Nusantara dalam disiplin ilmu al-Quran serta memaparkan keupayaan mereka dalam mengadaptasi dan mengembangkan ilmu tersebut mengikut konteks tempatan. Melalui penelusuran awal terhadap metodologi al-Durar al-Wafirat, ketokohan Syeikh Nuh Jamaluddin sebagai seorang pakar tajwid dan Qiraat berwibawa akan lebih terserlah, sekaligus menambahkan pengiktirafan terhadap keilmuan ulama Melayu dalam peta intelektual dunia Islam.

Kajian ini turut menyediakan asas kukuh untuk penyelidikan lanjutan, usaha penerbitan semula, kritikan teks, serta pemeliharaan manuskrip agar karya berharga ini tidak luput daripada perhatian. Hal ini amat signifikan kerana banyak karya ulama Melayu masih tersimpan sebagai manuskrip yang tidak ditahqiq, tidak diterbitkan semula, dan tidak dikaji secara sistematik. Oleh itu, kajian ini memberi manfaat dalam usaha melestarikan warisan intelektual Melayu-Islam dan memastikan karya-karya penting seperti ini diangkat semula ke permukaan wacana akademik kontemporari.

Keseluruhannya, kajian ini menegaskan kepentingan mengangkat martabat keilmuan ulama Melayu dalam sejarah perkembangan ilmu al-Quran sekaligus memberikan sumbangan bermakna kepada dunia akademik kontemporari. Dengan memperkenalkan kembali tokoh seperti Syeikh Nuh Jamaluddin dan karyanya, kajian ini mampu menjadi penggerak kepada gelombang baharu penyelidikan yang menilai warisan keilmuan Nusantara secara lebih sistematik, kritikal dan bersepadu.

Metodologi Kajian

Data kajian adalah aset terpenting dalam sesebuah kajian yang dibuat. Metodologi penyelidikan pula merujuk kepada kerangka proses yang digunakan oleh seseorang penyelidik di dalam penyelidikannya bagi menjelaskan proses penyelidikan tersebut. Dr Siti Uzairah Mohd Tobi (2017)⁶.

Pengumpulan Data

Menurut Sulaiman Masri (2005)⁷, pengumpulan data merupakan sebuah proses pengumpulan pemboleh ubah dan penyelidik akan menentukan teknik serta prosedur yang sesuai dengan kajian yang ingin dilaksanakan. Oleh yang demikian, kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif yang berasaskan kajian perpustakaan dan proses temu bual tidak berstruktur. Menurut Mohd Shafie (1991)⁸, kajian perpustakaan merupakan kaedah yang digunakan oleh seseorang penyelidik atau penulis untuk mendapat data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod-rekod yang sedia ada. Hal demikian dapat membolehkan pengumpulan data sekunder untuk menyokong kajian yang dibuat.

Kajian ini akan merujuk dan meneliti secara langsung metodologi penulisan *kitab al-Durar al-Wafirat bi Halli Alfaz al-Raudhat fi Qira'ati al-Imam Hamzah al-Zayyat* dari sudut kandungan, pembahagian bab dan matan yang digunakan oleh Syeikh Nuh Jamaluddin dalam penghasilan

⁶ Siti Uzairah Mohd Tobi. (2017). *Kajian Kualitatif dan Analisis Temu Bual*. Kuala Lumpur.

⁷ Sulaiman Masri. (2005). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan Esei, Proposal, Tesis*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.

⁸ Mohd Shafie. (1991). *Metodologi Penyelidikan Edisi ke-2*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia

terjemahan. Kajian ini juga akan merujuk terhadap kitab-kitab usul Qiraat yang mashyur seperti Kitab *Hirz Al-Amani wa Wajhu al-Tahaani* yang merupakan kitab dikarang oleh Imam *Asy-Syatibiy* yang menghuraikan tujuh imam qiraat yang mashyur. Melalui kaedah ini pengkaji juga penulis dapat mengenal pasti kelompongan yang membolehkan pengkaji membentuk sebuah permasalahan yang ampuh, sekaligus dapat mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Temu Bual

Menurut Kamarul Azmi Jasmi (2012)⁹, temu bual merupakan instrumen yang penting bagi memperoleh kefahaman secara langsung dan meluas dengan cara mendalami sesebuah topik tertentu. Dalam kajian ini, pengkaji memilih untuk menggunakan kaedah temu bual tidak berstruktur. Menurutnya lagi, temu bual ini bersifat luas dan tidak tetap. Tujuan pengkaji menentukan kaedah temu bual tidak berstruktur adalah untuk menyelami sejarah secara sosiologi sesuai dengan keadaan pada ketika itu.

Pengkaji telah mengadakan kaedah temu bual tidak berstruktur semasa menemui pemegang amanah atau penyimpan kitab *al-Durar al-Wafirat bi Halli Alfaz al-Raudhat fi Qira'ati al-Imam Hamzah al-Zayyat*. Beliau adalah Hj Ghazali bin Ismail iaitu anak ke – 6 kepada Hj Ismail Mahmud yang merupakan penerima hadiah daripada Syeikh Nuh Jamaluddin dan juga merupakan anak murid kanan kesayangan Syeikh Nuh Jamaluddin. Tempat temu bual tersebut telah ditetapkan berlaku di Madrasah al-Ianah ad-Dinniyyah, Hatyai, Thailand.

Pengenalan Syeikh Nuh Jamaluddin Al-Kelantani

Nama

Tokoh ini bernama Syeikh Nuh bin Haji Jamaluddin bin Haji Abdul Qadir bin Senik al-Kelantani. Tahun kelahirannya ialah 1896. Namun tidak dapat dipastikan tarikh kelahirannya yang tepat. Adik beradik seibu sebapa ada 3 orang termasuk Syeikh Nuh iaitu Mek Putih dan Hj Ahmad. Menurut Abdul Razak (2024)¹⁰ Hj Ahmad sempat berguru dengan Tok Senggora di Mekah namun meninggal dunia pada usia muda di Mekah. Bapanya Haji Jamaluddin yang merupakan seorang guru pondok yang berjasa di Mukim Paya Mengkuang, daerah Perupuk Bachok, Kelantan yang telah berjaya mendidik dan melahirkan ramai guru agama pelapis seperti Haji Seman Sering atau dikenali dengan Syeikh Uthman Jamaluddin al-Kelantani. Manakala bondanya pula bernama Hajah Maryam binti Pak Maras (Ismail Che Daud, 2007)¹¹. Menurut sebuah catatan, Syeikh Nuh mempunyai 11 orang anak iaitu Abdullah, Khadijah, Aisyah, Ruqayyah, Abdul Aziz, Hashim, Ahmad, Ali, Nasruddin dan Mukhtar. Seorang lagi tidak dapat dipastikan namanya.

Pendidikan

Menurut Ismail Che Daud (2007)¹² juga, Syeikh Nuh Jamaluddin al-Kelantani tidak sempat berguru lama dengan dengan ayahnya sendiri kerana ayahnya meninggal dunia. Tokoh ini telah mendapat Pendidikan awalnya daripada Tok Kenali semasa menuntut di Pondok Tok Kenali di Kubang Kerian iaitu sebelum beliau berangkat melanjutkan pengajiannya ke Mekah. Tidak terdapat maklumat yang pasti umur beliau menghafaz al-Quran. Pada tahun 1919 Masihi, beliau telah berangkat melanjutkan pengajiannya ke Mekah untuk mendalami ilmu agama dan telah

⁹ Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif*. Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.

¹⁰ Ibid, Abdul Razak Mahmud dan Ismail Che Daud. 2023.

¹¹ Ismail Che Daud (2007), *Tokoh-tokoh Ulama' Malayu Semenanjung II*, Edisi Kedua. Kota Bharu:MAIK

¹² Ibid, Ismail Che Daud. 2007.

menetap di sana sehingga ke hujung nyawa. Antara guru-guru beliau ialah Tok Senggora dimana beliau telah mendapat ijazah Qiraat Tujuh dan Qiraat Sepuluh. Di dalam Ilmu Tasawuf, beliau telah berguru dengan Tok Shafie Kedah. Syeikh Nuh Jamaluddin al-Kelantani merupakan guru tahfiz dan tokoh Qurra' di Mekah antara tahun 30-an dan 40-an. Beliau telah menyambung khidmat keguruan Tok Senggora selepas kewafatan gurunya tersebut. Menurut Khairul Anuar Mohamad et.al (2024)¹³ beliau telah berkhidmat sebagai guru tahfiz al-Quran di Madrasah Dar al-Ulum al- Diniyyah dimana beliau telah berkhidmat di sana selama lebih kurang empat tahun bermula tahun 1944 iaitu sehingga akhir hayatnya.

Sumbangan

Antara sumbangan Syeikh Nuh Jamaluddin al-Kelantani ialah menghasilkan karangan khususnya dalam bidang Tajwid iaitu *Tuhfatul al-Sibyan fi Tajwid al-Qur'an* manakala ada 3 buah kitab dalam bidang ilmu al-Qiraat yang bertajuk *al-Durrah al-Muntakhabah fi Riwayat Syu'bah* serta kitab *Inilah Dua Risalah Pada Ilmu Qiraat*. (Shaharuddin Saad, Mohd Fairus A.Adi dan Mohd Safee Salihin Hasan, 2017)¹⁴ menurut Abdul Razak Mahmud (2024)¹⁵, beliau telah menemukan sebuah kitab tulisan tangan karya Syeikh Nuh Jamaluddin iaitu kitab berjudul *Al-Durar Al-Wafirat Bi Halli Alfaz Al-Raudhat Fi Qiraat Al-Imam Hamzah Al-Zayyati* semasa lawatannya ke Hatyai, Thailand secara kebetulan. Penulis juga sempat menziarahi dan melihat sendiri *makhtutat* tersebut yang disimpan di Madrasah al-Ianah ad-Dinniyyah, Din lan, Hatyai Thailand.

Menurut Ismail Che Daud (2007)¹⁶ Syeikh Nuh Jamaluddin al-Kelantani juga telah melahirkan ramai anak murid. Di antara mereka ialah Dato' Haji Ismail Yusof, Haji Ismail Qurra' Kubang Kaki Rantau Panjang, Haji Ismail Qurra' Kampung Dagar Pasir Mas, Haji Ismail Mahmud Hatyai, Pak Su Haji Ismail Kota Bharu, Haji Hasan Hafiz Kuala Sungai Baru, Haji Hasan Qurra' Besut, Haji Hasan Pondok Ketereh, Haji Wan Hasan Alor Keladi Besut, Dato' Haji Mohd Nor Ibrahim dan lain-lain lagi.

Meninggal Dunia

Tokoh ini meninggal dunia di Mekah pada usia 53 Tahun di Kampung Shi'ab Ali pada waktu azan Subuh sedang berkumandang iaitu pada 21 Rejab 1367 Hijrah bersamaan 29 Mei 1948.

¹³ Khairul Anuar Mohamad, Abd Muhaimin Ahmad dan Mohd Shamsul Hakim Abd Samad. (2024). Metodologi Syeikh Nuh Jamaluddin Al-Kelantani dalam menghurai Karya Qiraat Syeikh Muhammad Mutawalli dan Syeikh Ali Dabba'. Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies.

¹⁴ Shaharuddin Saad, Mohd Fairus A.Adi dan Mohd Safee Salihin Hasan (2017) Data-Data Tokoh Ulama Tajwid Tersohor Di Alam Melayu, Selangor: Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (Irsyad2017)

¹⁵ ibid

¹⁶ ibid

Kitab *Al-Durar Al-Wafirat Bi Halli Alfaz Al-Raudhat Fi Qiraat Al-Imam Hamzah Al-Zayyati*

Pengenalan Kitab

Kisah penemuan kitab ini telah dirakamkan oleh Abdul Razak Mahmud (2023)¹⁷ dalam sebuah buku terbitan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan berjudul *Tarikh Ulama' Kelantan*¹⁸.

Menurut Abdul Razak Mahmud (2023)¹⁹ pada bulan february tahun 1993 penemuan ini adalah secara tidak dirancang kerana pada ketika itu beliau hanya ke Hatyai untuk melancong. Namun pada ketika sarapan pagi, beliau disapa oleh tuan kedai makan sarapan pagi di Hatyai. Setelah bercerita berkenaan pekerjaan beliau, iaitu sebagai penulis buku-buku *Sejarah tarikh ulama' di Nusantara*, tuan kedai itu memberitahu bahawa ada sebuah kitab lama dalam simpanan sebuah pondok di pinggir bandar Hatyai. Beliau setuju untuk menuju ke pondok berkenaan untuk bertemu dengan Hj Ismail Mahmud²⁰ namun setelah sampai di pondok berkenaan, beliau mendapati bahawa Hj Ismail Mahmud baru sahaja meninggal dunia lebih kurang seminggu sahaja. Setelah itu, beliau ditunjukkan berkenaan kitab dalam simpanan Hj Ismail Mahmud. Kemudian beliau meneliti kitab itu sambil diceritakan kisah bagaimana kitab ini berada dalam simpanan Hj Ismail Mahmud. Sebelum kepulangan beliau ke Malaysia, beliau sempat membuat salinan sebagai bukti dan simpanan untuk kajian akan datang.

Pada tahun 2025, sekali lagi penulis berkesempatan untuk menziarahi pondok ini di Hatyai²¹. Kegusaran penulis adalah apabila melihat kitab ini tidak dijaga rapi dan usia kitab ini juga telah mencapai hampir 100 tahun. Kitab ini merupakan kitab yang belum dicetak dan ditulis dengan tangan oleh Syeikh Nuh Jamaluddin pada tahun 1946 iaitu 2 tahun sebelum Syeikh Nuh meninggal dunia. Kitab *al-Durar al-Wafirat bi Halli Alfaz al-Raudhat fi Qira'ati al-Imam Hamzah al-Zayyat* merupakan sebuah karya asli di dalam bidang Ilmu Qiraat khususnya bagi qiraat hamzah az zayyat. Perawi bagi qiraat hamzah adalah imam khalaf dan imam khalad.

a. Metod Penulisan

Keunikan kitab ini berbanding kitab tulisan Syeikh Nuh Jamaluddin yang lain adalah kitab ini dituliskan dalam bahasa arab berbanding kitabnya yang lain Syeikh Nuh Jamaluddin menterjemahkan daripada bahasa arab kepada bahasa melayu. Matan kitab *Ad Durar Al Wafirat* yang dikarang oleh Syeikh Nuh Jamaluddin adalah huraian daripada kitab matan *Ar Raudhat Fi Qiraati Hamzah Az Zayyat*. Menurut pencarian awal penulis, kitab ini telah disyarahkan oleh

¹⁷ Temubual penulis bersama Abdul Razak Mahmud dikediaman beliau di Kampung Morak, Wakaf Bharu, Kelantan pada 18 mei 2025. Lampiran gambar di halaman belakang.


¹⁸ Abdul Razak Ismail dan Che Ismail Daud (2023) *Tarikh Ulama' Kelantan*. Terbitan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) cetakan pertama.

¹⁹ ibid

²⁰ Haji Ismail Mahmud. Menurut Abdul Razak Mahmud (2023) murid ini berasal dari Din Lan, sebuah perkampungan melayu islam di pinggir bandar Hatyai, Thailand. Beliau telah belajar di Mekah pada sekitar tahun 1920. Pada mulanya beliau telah berguru dengan Tok Senggora. Namun setelah Tok Senggora meninggal dunia, beliau telah menyambung pengajiannya bersama Syeikh Nuh Jamaluddin sehinggakan menjadi murid kanan kesayangan Syeikh Nuh Jamaluddin. Pada tahun 1945, beliau meminta izin untuk pulang ke kampung halaman untuk berkhidmat kepada masyarakat. Beliau telah pulang ke kampung halaman nya di Din Lan dan mengasaskan sebuah Pondok yang diberi nama Madrasah al-ianah ad-Dinniyyah. Beliau telah meninggal dunia pada tahun 1993. Beliau meninggalkan seorang isteri dan 7 orang anak.

²¹ Penulis berkesempatan menziarahi Pondok Al-Ianah Ad-Dinniyyah, Hatyai, Thailand dan bertemu dengan anak ke – 6 Hj Ismail Mahmud, Haji Ghazali Ismail pada tanggal 15 Jun 2025. Lampiran gambar di halaman belakang.

Muhammad Bin Iwad Zaid Al Harbawi, seorang tenaga pengajar di bahagian pengajian al Quran di Kuliah Mu'allimin di Riyadh. Menurut catatannya, pengarang kitab ar Raudhat ini diberi nama *Al-Sa'ih Al-Sakandari* ialah seorang yang tidak dikenali dan tidak dijumpai dimana-mana buku terjemahan ulama' qurra'. Oleh kerana itu beliau menyatakan *Al-Sa'ih Al-Sakandari* adalah ulamak yang datang menziarahi perkampungan *Al-Sakandari* dan menulis matan ini di Iskandariah.



Gambar: Contoh penulisan tangan oleh Syeikh Nuh Jamaluddin dalam Kitab al-Durar al-Wafirat bi Halli Alfaz al-Raudhat fi Qira'ati al-Imam Hamzah al-Zayyat

b. Kandungan

Kitab ini membicarakan berkaitan bacaan hamzah az zayyat secara lengkap daripada surah al-Fatihah sehingga surah al-Nas samada berkaitan usul atau pun farsy al-huruf bagi qiraat hamzah. Berdasarkan pemerhatian awal terhadap kitab ini, kitab ini telah disiap ditulis pada 5 zulkaedah 1365 bersamaan 30 september 1946. Kitab ini mempunyai 47 halaman bertulisan tangan sepenuhnya.

Matan ini mengandungi 256 rangkap syair yang terdiri daripada 93 bait syair pada bahagian usul manakala 163 bait syair pada bahagian farsy huruf.

1. Usul Qiraat Hamzah al-Zayyat

Pada bahagian Usul Qiraat Hamzah, Syeikh Nuh Jamaluddin telah membuat pembahagian bab dan fasal seperti berikut:

Bil	Bab	Fasal
١	باب الاستعاذة وما بين السورتين	-
٢	باب سورة أم القرآن	-
٣	باب الإدغام الكبير في المثليين والمتقاربين والمتجانسين في كلمة وفي كلمتين	-
٤	باب هاء الكناية وحكم المد	-
٥	باب الهمزتين من كلمة والهمز المفرد	-
٦	باب حكم الساكن قبل الهمز وصلا	-
٧	باب الوقف على الهمزة فيه خمسة فصول	الفصل الأول : الساكن بعد متحرك
		الفصل الثاني : المتحرك بعد الساكن
		الفصل الثالث : المتحرك بعد متحرك
		الفصل الرابع : المتوسط بزائد
		الفصل الخامس : في الوقف كالرسم بدون همز
٨	باب الإدغام الصغير في المتقاربين من كلمتين وفيه أربعة فصول	الفصل الأول : ذال إذ
		الفصل الثاني : دال قد
		الفصل الثالث : تاء التأنيث
		الفصل الرابع : لام هل وبل
٩	باب الإدغام الصغير في المتقاربين والمتجانسين في كلمة وفي كلمتين	-
١٠	باب النون الساكنة والتنوين	-
١١	باب الفتح والإمالة الكبرى والصغرى وفيه فصولان	الفصل الأول : في الكبرى
		الفصل الثاني : التقليل
١٢	باب الوقف على مرسوم الخط	-
١٣	باب ياءات الإضافة	-
١٤	باب ياءات الزوائد	-

2. Farsy Huruf Qiraat Hamzah

Pada bahagian farsy huruf, Syeikh Nuh Jamaluddin telah menghuraikan bagi kesemua 114 surah. Walaubagaimana, pada juzuk yang ke-30 Syeikh Nuh Jamaluddin tidak lagi membuat pecahan khilaf mengikut surah-surah sepertimana yang telah tercatat dalam matan yang asal dalam kitab Al-Raudhat.

c. Metode Huraian

Dalam metode huraian yang dibuat oleh Syeikh Nuh Jamaluddin adalah menghuraikan setiap rangkap syair dengan jelas dan terang. Beliau akan menghuraikan setiap kalimah yang terdapat pada setiap syair dengan menyebut hukum bacaan. Sebagai contoh, didalam menghuraikan rangkap syair pada bab Isti'azah antara dua surah, beliau menyatakan *"jika kamu hendak membaca al quran dengan kamu berkata أعوذ بالله من الشيطان الرجيم Lafaz ini adalah terpilih dikalangan al qurra' dan mereka bersepakat menyatakan bahawa lafaz ini bukan dari al quran, akan tetapi merupakan satu doa mustajab yang dibaca untuk melindungi was-was syaitan ketika membaca al quran dan ada ulamak menyatakan bahawa lafaz isti'azah adalah wajib disisi syarak ketika membaca al quran. Oleh yang demikian, para ulamak berselisih pendapat dalam hukum membacanya samada jahar atau sir kerana ada sebahagian mereka membacanya secara jahar dan ada juga sebahagian yang lain membaca secara sirr"*.




Gambar : Bab Isti'azah

d. Merujuk Kepada Pendapat Ulamak

Ketika menghurai matan *Ar Raudhat*, Syeikh Nuh Jamaluddin juga merujuk kepada pendapat ulamak seperti merujuk kepada *Al-Imam Abu Amru Ad-Dani* (meninggal pada tahun 444 hijrah). Beliau juga merujuk kepada pendapat ahlul al adaa' sepertimana ketika menghurai pada kalimah قَاتِنِ جَنَّتِينَ dimana *ahlul al-adaa* berpendapat tidak membaca dengan imalah walaupun atas wazan فَعْل.

e. Metode Huraian Farsy Al Huruf

Syeikh nuh Jamaluddin menghuraikan farsy huruf dengan menyebut contoh ayat-ayat al-quran yang berlaku khilaf disemua tempat didalam al quran. Sebagai contoh ketika menghuraikan satu bait dalam surah al Baqarah tentang bacaan kalimah الرِّيح. Beliau telah mendatangkan semua ayat-ayat berkaitan الرِّيح pada lapan tempat dalam al-quran dimana imam hamzah membaca dengan tauhid.



Gambar: Bab farsy huruf surah al-Baqarah serta huraian oleh Syeikh Nuh Jamaluddin Al-Kelantani

Kesimpulan

Setelah meneliti hasil karya Syeikh Nuh Jamaluddin melalui kitabnya *al-Durar al-Wafirat bi Halli Alfaz al-Raudhat fi Qira'ati al-Imam Hamzah al-Zayyat* maka didapati bahawa Syeikh Nuh Jamaluddin al-Kelantani adalah seorang ulama melayu yang sangat menguasai bidang ilmu al-Qiraat ini sehingga mampu menghasilkan karangan yang bermutu dalam bidang ini tambahan pula ianya ditulis dalam bahasa arab. Penguasaan ilmu Qiraat oleh Syeikh Nuh Jamaluddin adalah hasil daripada ketekunan beliau dalam menuntut ilmu dengan guru beliau iaitu Tok Senggora. Inilah kunci utama dalam Syeikh Nuh Jamaluddin dalam kefahaman berkenaan ilmu qiraat.

Kitab *al-Durar al-Wafirat bi Halli Alfaz al-Raudhat fi Qira'ati al-Imam Hamzah al-Zayyat* wajar untuk dipelihara akan naskhah asal kerana ianya merupakan tinggalan sejarah yang penting dalam ilmu qiraat. Selain itu, menjadi bukti kepada generasi yang akan datang bahawa ilmu qiraat di Nusantara sangat berkembang pesat pada suatu ketika dahulu. Oleh yang demikian, kajian selanjutnya diperlukan bagi mengembangkan lagi hasil dapatan daripada kitab ini. Selanjutnya pemeliharaan terhadap manuskrip ini wajar dicadangkan kepada pihak yang berautoriti agar kajian selanjutnya dapat dibuat sehingga kitab ini dicetak dan dapat dijadikan kitab rujukan tambahan dalam ilmu qiraat.

Penghargaan

Sekalung penghargaan kepada USIM dan Majlis Agama Islam Kelantan kerana membiayai penyelidikan berkaitan Syeikh Nuh Jamaluddin al-Kelantani. Kajian ini dijalankan di bawah pembiayaan geran penyelidikan agensi luar (Kerajaan) 2023 USIM/MAIK/FPQS/LUAR-K/42123

Rujukan

Al-Quran

Abdullah, M. Y. (2010). Tradisi Penulisan Kitab Jawi di Alam Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Razak Ismail dan Che Ismail Daud (2023) Tarikh Ulama' Kelantan. Terbitan Majlis Agama Islama dan Adat Istiadat Melayu Kekantan (MAIK) cetakan pertama.

al-Qattan, M. (2001). Mabahith fi 'Ulum al-Quran. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.

Al-Syatibi, Abu al-Qasim. Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani (al-Syatibiyyah). Kaherah: Maktabah al-Kubra, t.t.

al-Suyuti, J. (2008). Al-Itqan fi 'Ulum al-Quran. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Harun, M. S. (2014). Tok Kenali: Ulama dan Pemikir Islam di Alam Melayu. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.

Ibn al-Jazari, M. (1998). Al-Nashr fi al-Qiraat al-'Ashr. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Ismail Che Daud (2007), Tokoh-tokoh Ulama' Malayu Semenanjung II, Edisi Kedua. Kota Bharu:MAIK

Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif*. Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.

Khairul Anuar Mohamad, Abd Muhaimin Ahmad dan Mohd Shamsul Hakim Abd Samad. (2024). Metodologi Syeikh Nuh Jamaluddin Al-Kelantani dalam menghurai Karya Qiraat Syeikh Muhammad Mutawalli dan Syeikh Ali Dabba'. Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies.

Mohd Shafie. (1991). *Metodologi Penyelidikan Edisi ke-2*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia

Muhammad Iwad Ziyad Al-Harbawi. (2003). Syarah Matan Al-Raudhat Fi Qiraati Hamzah Al-Zayyat Li Saaih Al-Sakandari. Maktabah At-Taubah. Cetakan Pertama.

Nuh Jamaluddin. (1946). Al-Durar Al-Wafirat Bi Halli Alfaz Al-Raudhat Fi Qiraati Al-Imam Hamzah Al-Zayyati.

Shaharuddin bin Saad, Dr Farhah Zaidar Mohamed Ramli dan Dr Sidek Ariffin (2017) Syeikh Nuh Jamaluddin Al-Kelantani : Penyambung Sanad Tok Sengora

Shaharuddin Saad, Mohd Fairus A.Adi dan Mohd Safee Salihin Hasan, (2017),Data-Data Tokoh Ulama Tajwid Tersohor Di Alam Melayu,Selangor: Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (Irsyad2017)

Siti Uzairah Mohd Tobi. (2017). Kajian Kualitatif dan Analisis Temu Bual. Kuala Lumpur.


Sulaiman Masri. (2005). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan Esei, Proposal, Tesis*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.

Tok Senggora. 1933. Mawrid al-Zhoman fi Tajwid al-Quran. Singapura: Matba'ah al-Ahmadiyyah.

Lampiran



LAMPIRAN 1: Gambar pengkaji bersama anak ke-6 Hj Ismail Mahmud iaitu Hj Ghazali Ismail di rumahnya di Hat Yai, Thailand



LAMPIRAN 2: Gambar pengkaji bersama Ustaz Abdul Razak Mahmud, penulis buku Tarikh Ulama' Kelantan, MAIK.



LAMPIRAN 3: Gambar muka depan Kitab *Ad-Durar Al-Wafirat Bi Halli Alfaz Al-Raudhat Fi Qiraati Al-Imam Hamzah Al-Zayyati*